

STPM Kertas 1 Set KVK 2:

Soalan 4 Jawapan yang dicadangkan

(a) (i) Lima prinsip kawalan dalaman yang tidak dipatuhi:

1. Pendokumentasian. Prinsip ini memerlukan dokumen-dokumen yang relevan bagi setiap urusan niaga atau peristiwa perniagaan supaya adanya bukti bahawa urusan niaga atau peristiwa itu telah berlaku seperti mana yang ditetapkan dan tidak wujud kekeliruan atau kemusykilan.

Dalam kes ini, tiada dokumen yang khas bagi permintaan pesanan yang dihantar oleh pengurus stor kepada Jabatan Belian. Sepatutnya, kerani stor perlu menyediakan borang permintaan stor dengan senarai bahan yang perlu dipesan dan diluluskan oleh pengurus stor sebelum dihantar ke Jabatan Belian.

2. Penetapan tanggung jawab. Prinsip ini memerlukan bahawa setiap individu dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas tertentu supaya tugas itu dapat dijalankan secara mahir dan efektif. Ini juga akan mengelakkan pekerja-pekerja menuduh pekerja lain apabila tugas itu tidak dilakukan dengan sempurna.

Dalam kes ini, pengurus belian memilih seorang kerani yang tidak sibuk untuk menyediakan borang pesanan bahan. Ini menunjukkan sesiapa pun boleh melaksanakan tugas tersebut.

3. Kelulusan. Prinsip ini memerlukan bahawa semua aktiviti penting perniagaan harus diluluskan oleh seorang individu yang diberikan kuasa sebelum aktiviti itu dilaksanakan. Ini memastikan bahawa sesuatu aktiviti itu tidak dilakukan secara sembarangan dan tanpa mengambil kira keperluan-keperluan spesifik.

Dalam kes ini, kerani belian telah menyediakan borang pesanan bahan dan menghantarkannya kepada pembekal mengikut pilihannya tanpa menghiraukan masa menunggu.

1. Pusingan tugas. Prinsip ini memerlukan bahawa sesuatu tugas tidak sepatutnya dilakukan oleh individu yang sama untuk satu tempoh yang lama. Tugas tersebut harus dibuat oleh individu yang berbeza selepas satu tempoh tertentu. Ini boleh mewujudkan kebosanan membuat kerja yang sama serta menggalakkan kompromi semasa melakukan penyelewengan.

Dalam kes ini, penerimaan bahan dilakukan oleh seorang kerani yang sudah lama membuat kerja tersebut dan beliau juga mengenali pembekal-pembekal dengan baik.

2. Kawalan fizikal. Prinsip ini memerlukan bahawa kebenaran untuk menggunakan aset, untuk akses kepada bilik tertentu atau muat turun data-data adalah dikawal dengan kawalan fizikal, mekanikal atau elektronik. Individu-individu yang mempunyai kebenaran dan kad akses sahaja boleh memasuki bilik stor. Ini akan mengurangkan kecurian daripada berlaku.

Dalam kes ini, sesiapa pun daripada syarikat ini menunjukkan bahawa syarikat ini tidak mempunyai kawalan fizikal yang baik.

(ii) Empat masalah yang mungkin dihadapi oleh Jabatan Pengeluaran:

1. Kualiti bahan mentah yang tidak konsisten akan mewujudkan kerosakan dalam proses pengeluaran. Ini adalah kerana kerani belian menentukan pembekal mengikut pilihannya.
2. Kos bahan mentah yang digunakan dalam proses pengeluaran adalah tinggi kerana kerani belian memilih pembekal yang beliau suka dan harga pembekal ini mungkin tinggi.
3. Proses pengeluaran tidak boleh dimulakan kerana kerani belian memesan tanpa menghiraukan masa menunggu untuk penerimaan bahan.
4. Bahan mentah yang tidak mencukupi kerana kawalan fizikal yang lemah akan menyebabkan kecurian berlaku.

(b) Batasan kawalan dalaman yang bersesuaian:

1. Konspirasi atau bersuhabat.
Memberi kebenaran kepada pengurus baru untuk memilih pekerja-pekerja bawahannya mungkin boleh menggalakkan konspirasi atau bersuhabat antara pekerja-pekerja ini yang mengenali antara satu sama lain terlebih dahulu. Ini akan memudahkan penyelewengan dilakukan walaupun kawalan dalaman adalah baik.
2. Pencerobohan.
Kecurian atau pemusnahan data boleh berlaku walaupun organisasi mempunyai kawalan dalaman yang baik. Ini adalah kerana wujudnya "hackers" yang mahir membina sistem atau tatacara-tatacara bagi mencuri atau menghapuskan maklumat.
3. Birokrasi.
Pelaksanaan kawalan dalaman yang baik akan meningkatkan birokrasi dalam organisasi. Perkara ini akan menguji kesabaran pekerja dan ini mungkin akan menggalakkan mereka untuk tidak mematuhi prosedur-prosedur yang ditetapkan.
4. Manfaat berbanding dengan kos.
Kos adalah sangat tinggi bagi melaksanakan satu sistem kawalan dalaman yang baik. Oleh yang demikian, organisasi akan sentiasa membuat perbandingan antara kos pelaksanaan kawalan dalaman dan manfaat yang diperoleh daripada kawalan dalaman itu.